



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.100-1/4/1 (26 )  
Tarikh : 22 November 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**PELAKSANAAN INISIATIF DI BAWAH STRATEGI PEMBANTERASAN  
RASUAH NASIONAL (NACS) 2024-2028**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Majlis Peluncuran Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada 7 Mei 2024. NACS merupakan komponen penting agenda reformasi Malaysia yang menggariskan strategi-strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ianya adalah kesinambungan dan penambahbaikan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang bermula pada tahun 2019 dan berakhir pada 2023.
3. Antara inisiatif yang terkandung di dalam NACS 2024-2028 adalah Substrategi **1.10: Menjamin Pelaksanaan Modul Pengukuhan**

**Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA)** oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi.

4. Sehubungan itu, bagi merealisasikan inisiatif ini, semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi **hendaklah melaksanakan kursus khas MPGIA** berdasarkan **perenggan 3.5 Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021 – Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA)** yang dikeluarkan pada 8 November 2021. Kursus khas ini perlu diadakan **sekurang-kurangnya sekali setahun** melibatkan semua peringkat iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana. Objektif kursus adalah bagi memberi pendedahan mengenai isu, dasar-dasar semasa berkaitan pembudayaan integriti, tadbir urus dan antirasuah. Pelaksanaan kursus ini boleh **diselaraskan oleh Unit Integriti** masing-masing dan perlu dilaporkan kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM.

5. Besarlah harapan saya agar perkara ini mendapat perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan bagi memastikan inisiatif di dalam NACS 2024-2028 ini dapat dicapai dengan jayanya.


6. Ketetapan ini juga turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k. Ketua Setiausaha Negara